



# LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

## KENYATAAN KENYATAAN TENDER

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

### PERKHIDMATAN SEWAAN (SEWA GUNA) PERALATAN ICT UNTUK LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN

NO. KENYATAAN TENDER	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT KENYATAAN TENDER	HARGA SENASKAH DOKUMEN (RM)	TARIKH TUTUP KENYATAAN TENDER
FAMA/TENDER 012/2023	210101 dan 210103 dan 210109	31/10/2023 hingga 17/11/2023	31/10/2023 Sesi Taklimat : 10:00 pagi  DEWAN DZA, BANGUNAN FAMA POINT, IBU PEJABAT FAMA	RM 500.00	23/11/2023  (sebelum 12:00 tengahari)

2. Pembekal-pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.

i) **SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT (SSM)**

ii) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **FAMA semasa sesi taklimat dan membeli dokumen**. Pembekal hendaklah membawa **cop syarikat semasa menghadiri Taklimat KENYATAAN TENDER**. **FAMA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **FAMA** tidak layak.

3. Bayaran dokumen kenyataan tender boleh dibuat secara **ATAS TALIAN (BANK IN) (512503103652-MAYBANK)** atas nama **LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**. Wang ini tidak akan dikembalikan. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen kenyataan tender bagi setiap kenyataan tender dan mengemukakan satu (1) tawaran kenyataan tender sahaja.**
4. Dokumen kenyataan tender boleh didapati pada waktu pejabat (8.30 pagi - 4.30 petang) **di alamat seperti di bawah. Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tempoh ini.**

5. **Pembekal yang berminat DIWAJIBKAN menghadiri taklimat kenyataan tender seperti alamat di atas. WAKIL SYARIKAT adalah TIDAK DIBENARKAN untuk menghadiri taklimat kenyataan tender dan membeli dokumen. Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan pengambilan dokumen dengan mengemukakan KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dan SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA untuk pengesahan. Tawaran dianggap sebagai tidak sah jika pengesahan lawatan tapak dan taklimat kenyataan tender tidak ditandatangani oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh FAMA semasa menghadiri taklimat kenyataan tender.**

6. **Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.**
7. **FAMA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **FAMA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Dokumen kenyataan tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. KENYATAAN TENDER** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti KENYATAAN TENDER** seperti alamat di bawah :

**SERAHAN SECARA ATAS TALIAN MELALUI SISTEM SENNEGO**

**Sebelum atau pada tarikh tutup kenyataan tender jam 12:00 tengahari**

9. Dokumen kenyataan tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup kenyataan tender tidak akan diterima dan ditolak.
10. Setiap kontraktor/pembekal hendaklah berdaftar dengan Sennego dan memilih pasaran FAMA sebelum membeli dokumen kenyataan tender.
11. Resit pembayaran dokumen perlu dikemukakan kepada pegawai Tele-Center melalui emel perolehanpre2020@fama.gov.my atau hubungi talian 03-61262020.
12. Sila masukkan no. sebutarga FAMA/TENDER 012/2023 pada subjek emel tersebut.

